

Headline	Hormat guru		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	702 cm ²
Journalist	Abnor Hamizam Abd Manap	AdValue	RM 24,199
Frequency	Daily	PR Value	RM 72,596



Peserta ceria bergambar kenangan bersama-sama Abd Razak.

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
upen@bh.com.my.

■ Batu Kikir

Pe-
lajar diingatkan sentiasa menghormati dan jangan mempersendakan guru yang gigih mencurahkan ilmu di sekolah, sebagai antara amalan penting untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) Jempol dan Jelevu, Abd Razak Said, berkata ini berikutan ada sebahagian pelajar yang bertindak melawan atau mempermainkan guru, termasuk ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

Beliau berkata, guru terbabit pasti sedih dengan perbuatan seumpama itu walaupun mungkin tidak menunjukkan perasaan berkenaan di hadapan anak didik.

"Bersihkanlah hati untuk belajar dan berniat ikhlas dalam menuntut ilmu. Jika tidak, bagaimana hendak mendapat keberkatan ilmu apabila guru yang mengajar kita pun kita permudahkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutup Seminar Bimbingan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014 anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH di Dewan Za'ba, Sekolah

» Amalan penting untuk pelajar dapat keberkatan ilmu ke arah kejayaan



Penyampaian penceramah yang menarik dan lengkap dengan panduan bermanfaat berjaya menarik perhatian peserta.

“ Bersihkanlah hati untuk belajar dan berniat ikhlas dalam menuntut ilmu”

Abd Razak Said,
Penolong Pegawai
Pendidikan Daerah
Jempol dan Jelevu

Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Kikir (Model Khas) di sini, baru-baru ini.

Fokus mantapkan persediaan

Yang turut hadir ialah Pengurus TH Cawangan Bahau, Othman Dawi, dan Guru Penolong Kanan SMK Batu Kikir (Model Khas), Fatimah Wan Abdullah.

Seramai 262 pelajar Tingkatan Lima dari 15 sekolah menengah menghadiri seminar berkenaan yang memberi tumpuan

kepada tiga subjek, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

Dalam pada itu, Abd Razak berkata, sudah tiba masanya calon SPM tahun ini memfokus keutamaan untuk memantapkan persediaan menghadapi peperiksaan penting berkenaan dan mengesetikan seketika aktiviti kegemaran sampingan.

Selain itu, katanya, mereka juga perlu mendapatkan rehat secukupnya dengan mengamalkan waktu tidur awal supaya boleh memberi sepenuh tumpuan kepada pengajaran guru.

Beliau berkata, ada pelajar yang menghadiri sekolah dalam keadaan lesu kerana mengantuk akibat tidur lewat sehingga menjejaskan proses pembelajaran mereka di sekolah.

Tabiat tidur lewat

"Tabiat tidur lewat perlu dibuang kerana selain tidak baik untuk kesi-

hatan, pelajar juga akan hilang fokus terhadap pengajaran guru kerana mengantuk," katanya.

Sementara itu, seorang peserta dari SMK Seri Jempol, Shamsul Shahidan Suhaimi, 17, menyifatkan seminar berkenaan sebagai amat bermanfaat dan gembira terpilih untuk menyertainya.

"Tidak rugi menghadiri seminar ini kerana ada beberapa perkara yang kurang saya fahami, terutama dalam subjek Matematik, berjaya diterangkan oleh penceramah," katanya.

Peserta lain dari SMK Palong Dua (FELDA), Nur Idayu Abd Ghani, 17, juga teruja berpeluang menyertai seminar bimbingan peperiksaan itu.

"Saya tidak kisah terpaksa mengorbankan cuti hujung minggu sebab yang lebih penting ialah peluang menghadiri seminar ini, lebih-lebih lagi bukan semua pelajar dapat menyertainya," katanya.



Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM 2014 di SMK Batu Kikir mendapat sambutan memberangsangkan.